



DASAR CUKAI PERKHIDMATAN BIL 7/2024

LAYANAN CUKAI PERKHIDMATAN KE ATAS PENGETAHUAN KAD KREDIT MAYA

1. Menteri Kewangan telah menetapkan bahawa kad kredit maya yang dikeluarkan sebagai penambahbaikan produk (*product enhancement*) ke atas kad kredit fizikal sedia ada adalah tidak tertakluk kepada kenaan cukai perkhidmatan sekiranya memenuhi syarat-syarat berikut:
 - a) Tarikh pengaktifan/pembaharuan kad (*activation/renewal date*), tarikh luput (*expiry date*) dan nombor *card verification value* (CVV) kad kredit maya adalah sama dengan kad kredit fizikal sedia ada;
 - b) Hanya satu penyata atau bil kad kredit dikeluarkan kepada pelanggan berdasarkan nombor kad kredit fizikal sedia ada; dan
 - c) Cukai perkhidmatan telah dikenakan ke atas pengeluaran dan pembaharuan kad kredit fizikal sedia ada.
2. Cukai perkhidmatan hendaklah dikenakan ke atas pengeluaran kad kredit maya sekiranya:
 - a) kad kredit maya dikeluarkan tanpa kad kredit fizikal; atau
 - b) kad kredit maya dikeluarkan bagi menggantikan sepenuhnya fungsi kad kredit fizikal.

Penafian:

Dasar cukai perkhidmatan yang dikeluarkan ini adalah tertakluk kepada sebarang pindaan sekiranya terdapat apa-apa perubahan dasar yang berkaitan.

BAHAGIAN CUKAI DALAM NEGERI
IBU PEJABAT KASTAM DIRAJA MALAYSIA, PUTRAJAYA